

TERMA DAN SYARAT CASA GOLD 50

Terma dan Syarat (T&S) berikut terpakai kepada CASA GOLD 50 yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W) ("BMMB").

1. Tempoh CASA GOLD 50 akan bermula dari 2 Mei 2017 sehingga diberitahu kelak.
2. CASA GOLD 50 adalah terbuka kepada pemegang sah akaun seperti yang tertakluk dalam terma dan syarat sahaja, yang mana akaun tersebut adalah berada dalam kedudukan baik sepanjang masa ketika CASA GOLD 50 seperti ditetapkan oleh BMMB sebagai pemilik tunggal dan budi bicara mutlak.
3. CASA GOLD 50 ini terbuka kepada pemegang akaun yang layak tertakluk kepada produk seperti di bawah:
 - Akaun Simpanan Tawarruq ("Akaun Simpanan")
 - Akaun Semasa Tawarruq ("Akaun Semasa")
4. Individu seperti di bawah adalah layak menyertai CASA GOLD 50:
 - 4.1 Semua pemegang akaun Tawarruq baru atau tersedia yang layak termasuk pemegang akaun yang terdiri daripada pekerja tetap atau kontrak BMMB, ahli keluarga termasuk pasangan, ibu bapa, ibu bapa mertua dan lain-lain yang berumur 50 tahun (pada tarikh lahir) dan ke atas.
5. Individu dan/atau organisasi yang tidak layak untuk menyertai CASA GOLD 50:
 - 5.1 Akaun pelanggan di bawah kontrak Qard / Wadiah;
 - 5.2 Akaun pelanggan bersama BMMB yang telah dibekukan oleh BMMB;
 - 5.3 Akaun pelanggan bersama BMMB yang telah digantung oleh BMMB;
 - 5.4 Akaun pelanggan bersama BMMB yang telah ditamatkan oleh BMMB; atau
 - 5.5 Pelanggan yang telah mengingkari mana-mana perjanjian dengan BMMB.
 - 5.6 Organisasi (Perniagaan, kemasyarakatan, persatuan atau perbadanan yang berdaftar atau diperbadankan di Malaysia di bawah Undang Undang Malaysia (yang juga terdiri dari individu, perniagaan milikan tunggal, kelab, persatuan, kemasyarakatan, perbadanan, atau perkongsian)
6. Lanjutan kepada Klausula 5, BMMB juga berhak menolak sebarang permohonan untuk produk atau servis berkenaan dengan CASA GOLD 50.
7. Deposit minima bagi dana baharu untuk CASA GOLD 50 ialah RM 20,000 ("Dana Baharu"). Sebagai penjelasan, **Dana Baharu merujuk kepada deposit yang bukan berasal dari dana semasa bersama BMMB.** Dana baharu perlu didepositkan ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan BMMB, dan diskaun tertera adalah hanya untuk pembelian bar emas yang ditempa adalah sepertimana yang diedarkan oleh BMMB sahaja. **Jadual 1** berikut menjelaskan tentang diskaun untuk pembelian bar emas yang ditempa mengikut jumlah kuantiti dan dana baharu:

Jadual 1

RM	Kuantiti	Diskaun
Minima 20,000	100g dan ke bawah	RM 0.50/gram
20,001 - 100,000	100g dan ke bawah 101g – 499g	RM 0.50/gram RM 1.00/gram
100,001 dan ke atas	100g dan ke bawah 101g – 499g 500g dan ke atas	RM 0.50/gram RM 1.00/gram RM 1.50/gram

8. Diskaun yang ditetapkan seperti **Jadual 1 dari Klausa 7** hanyalah termaktub kepada **jumlah awal Dana Baharu; yang mana diskaun ini sah semasa Tahun Kewangan BMMB (i.e. April tahun kalendar semasa sehingga Mac tahun kalendar berikutnya)**. Sebaik sahaja pembelian penuh bar emas mengikut Jadual 1 atau tamat tempoh Tahun Kewangan untuk BMMB, tawaran diskaun tidak lagi terpakai dan kadar lazim semasa BMMB untuk harga bar emas yang ditempa adalah terpakai bagi mana-mana pembelian baharu.
. Pelanggan perlu mendeposit Dana Baharu melalui Akaun Semasa / Simpanan BMMB untuk menikmati diskaun pada pembelian seterusnya atau pada awal Tahun Kewangan baharu BMMB.
9. Terma-terma am dan spesifik serta syarat-syarat produk (CASA dan GOLD) hendaklah menjadi sebahagian daripada kriteria kelayakan bagi penyertaan CASA GOLD 50.
10. Pembelian bar emas yang ditempa bukanlah kewajipan, termasuk deposit, untuk dijamin atau dilindungi oleh BMMB dan ianya tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan, termasuk juga kemungkinan kerugian kepada amaun pelaburan terhadap prinsipal. **Pemegang-pemegang akaun yang layak adalah dinasihatkan untuk membaca Risalah Pendedahan Produk sebelum membuat pembelian.** Pemegang-pemegang akaun yang layak juga perlu membuat pertimbangan ke atas semua fi dan caj yang terlibat sebelum membuat sebarang pembelian. Prestasi terdahulu ke atas harga emas adalah bukan indikasi kepada prestasi masa hadapan. Pemegang-pemegang akaun yang layak haruslah membuat penilaian sendiri ke atas merit dan risiko dalam pembelian Emas. Pemegang-pemegang akaun yang layak tetapi masih ragu ragu untuk bertindak, hendaklah mendapatkan nasihat daripada penasihat-penasihat professional mereka secepat mungkin.
11. Dengan menyertai CASA GOLD 50, para Pelanggan adalah dianggap telah membaca dan memahami sepenuhnya serta telah bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang telah ditetapkan oleh BMMB.
12. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi lain yang telah diterjemah, maka versi Bahasa Inggeris yang akan diutamakan dan diguna pakai. Sekiranya terdapat ketidakselarasan dan percanggahan di antara Terma dan Syarat dengan risalah, bahan pemasaran dan promosi berkaitan dengan CASA GOLD 50 atau promosi tentang produk, maka Terma dan Syarat yang akan diutamakan dan diguna pakai.
13. CASA GOLD 50 adalah tidak terpakai ke atas mana-mana dana atau wang yang dikeluarkan dari skim Pelaburan KWSP.
14. BMMB berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantungkan, melanjutkan atau menamatkan CASA GOLD 50 lebih awal dari tempoh yang sepatutnya. BMMB juga mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, mengubah dan / atau mengubah apa-apa yang tertakluk dalam Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis minima Dua Puluh Satu (21) hari dan notis tersebut akan dipamerkan di laman web BMMB di www.muamalat.com.my dan / atau melalui mana-mana saluran BMMB yang difikirkan sesuai.
15. Pelanggan yang telah menyertai CASA GOLD 50 dianggap telah melayari laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan dan mempersetujui sebarang perubahan atau variasi terhadap Terma dan Syarat ini. Para Pelanggan juga bersetuju bahwa penyertaan berterusan dalam CASA GOLD 50 merupakan persetujuan kepada Terma dan Syarat (seperti divariansi atau diubah).